

18/09/2003

Peruntukan majukan semua pelabuhan akan ditambah

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersedia meningkatkan pelaburan dan menambah peruntukan kewangan bagi memajukan semua pelabuhan negara bagi memenuhi keperluan industri perkapalan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Malaysia kini mampu dan berupaya mengendalikan berjuta-juta kontena melalui pelabuhannya, namun keperluan terhadap industri sentiasa meningkat dan berkembang.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin penyediaan infrastruktur yang diperlukan pengusaha pengangkutan dan pengendalian kontena akan memberikan keuntungan kepada negara.

Katanya, jika ketika pentadbiran British, mereka lebih suka mengadakan perdagangan melalui pelabuhan di Singapura, termasuk melalui jalan darat menggunakan kereta api ke republik itu kini semuanya sudah berubah.

"Jika dulu Malaysia hanya mampu mengendalikan kira-kira dua juta kontena melalui pelabuhannya, kini jumlahnya meningkat melebihi 10 juta kontena," katanya pada majlis makan malam mesyuarat Kelab Pengoperasi Kontena Antarabangsa (ICOC) di Hotel Mandarin Oriental, di sini malam tadi.

Turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy; Pengerusi ICOC, Ray Miles dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Malaysia International Shipping Corp (MISC), Datuk Mohd Ali Yasin.

Semua syarikat perkapalan utama yang terbabit dengan perkhidmatan kontena dari seluruh dunia mengambil bahagian dalam mesyuarat dua hari yang berakhir semalam.

Mesyuarat kelab yang ditubuhkan sejak 20 tahun lalu sebelum ini diadakan di Barcelona, Sepanyol pada Mac lalu dan kali ini memilih Kuala Lumpur bagi mesyuarat kelab berkenaan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia kini adalah negara dagangan ke-17 terbesar dunia membabitkan nilai dagangan berjumlah US\$180 bilion (RM684 bilion) dengan Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor sebagai antara 20 pelabuhan terbaik dunia.

"Kerajaan sentiasa mengalu-alukan kehadiran kapal asing dan menggunakan pelabuhan di negara ini serta sentiasa menyediakan kemudahan yang diperlukan syarikat perkapalan" katanya.

Terdahulu, Chan berkata, pihaknya sedia mengadakan perbincangan lanjut dan bertukar pandangan dengan pengusaha dan pengendali kontena syarikat asing.

Beliau berkata, dengan cara itu, kementerian dapat mengetahui keperluan pengusaha dan berusaha menyediakan persekitaran yang memberangsangkan seperti insentif dan kos yang lebih murah berbanding negara lain.

Sehubungan itu, pihaknya sentiasa memastikan syarikat perkapalan menerima perkhidmatan terbaik daripada pelabuhan negara ini, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi kegiatan mereka di rantau ini.